


**Principal's Message****Crisis Turned into Opportunity**

The seminary has gone through many challenges and hardship. God was with us when we went through the wilderness and deserts. His grace and mercy poured down like a river. Permit me to share my reflection on experiencing God's grace in adversity. There is a popular saying that goes "When God closes one door, He will open another one for you", yet this phenomenon can only be seen through our spiritual eyes.

**A. Theological Education Online**

Even though the age of multimedia had arrived in the middle of 20th century, it has not been much integrated into Christian evangelism, let alone theological education for Christians in this part of the world. During the Covid-19 pandemic period we discovered new frontiers in our ministry, as online learning has opened up a door that makes learning possible for those who are staying off campus. Certain courses have up to 200-300 participants in their classes, which is 10-20 times more than the number of students in a conventional set up. Online theological courses have proven to be a very useful learning method to provide church leadership training for brothers and sisters who wish to equip themselves during this pandemic.

**B. Building Maintenance and Failed Slopes Remedial Works**

There are five failed slopes that have occurred in our campus area. The critical situation is increasingly worrying, and it is understandable if one would ask, "What should we do? Where would the funds for this come from?" in such a situation like ours. Yet our God wants us to see hope in the midst of adversity. This seminary has existed for 34 years, and the love and care from the churches and brothers and sisters in Christ toward this seminary is not the same as it used to be. This has been especially evident to me since I returned to this seminary two years ago. However, the occurrence of the slope failures has shown me that all hope is not lost. So many churches and brothers and sisters of faith, near and far, local and overseas, have been pouring in their support to help us to rectify this problem. The partnership territory between STS and the Churches has been expanded.

The construction project has been awarded with a total cost of about RM 2 million and work will commence in early November.

**C. Spiritual Growth**

We have learnt and experienced a lot, as a seminary and as a family, in this pandemic. Those moments when we felt we were stuck yet continued to hold hands together and move in one accord; how we have been watching out for each other; how we have cared for and interceded for one another, these are the experiences that we never had before as a family in Christ. Every member of the seminary is saddened by the destruction that they have witnessed around our campus, and they have been praying unceasingly for God's mercy and protection. The adversity that we have faced has not only fostered greater unity and love among ourselves but has also allowed us to spend more time to draw closer to God through prayer and experience spiritual growth. All of us - the students, the faculty members, the staff - have grown a lot in our relationship with God, and also in our relationship with other fellow human beings. A blessing in disguise indeed!

**Inside this issue:**

MESSAGE TO GRADUATES	4-6
GRADUATE TESTIMONIALS	7-11
ACTIVITIES OF STS	12-14
LUTHERAN STUDY CENTRE	16-17
ONLINE CCS PROGRAM	18
FINANCIAL REPORT	19

**Editorial Committee:**

DEVANA AJADAP, JUDY BERINAI,  
CP CHUNG, TS CHUNG, WEIN  
EBAL, DANIEL GLOOR, ROBINA  
LING, AARON OSTERBROCK,  
JOY SAIK, FF TAI, KARL UTZ.

I would like to end this reflection with one Bible passage: “For my thoughts are not your thoughts, neither are your ways my ways,’ declares the LORD” (Isaiah 55:8). The experience of prayer, trust and faith is the most important spiritual encounter with God for all the servants of God in our service to Him and to His people.

## Pesanan Pengetua

### Krisis Berubah Menjadi Kesempatan

Diterjemahkan oleh Dr. Judy Berinai

Seminari Teologi Sabah telah menempuh banyak cabaran dan kesukaran. Allah telah menyertai kami ketika kami melalui padang belantara dan padang pasir. Rahmat dan belas kasihan-Nya dicurahkan seperti sungai. Izinkan saya untuk berkongsi renungan tentang “Mengalami Rahmat Allah dalam Kesukaran”. Ada pepatah terkenal yang berbunyi ‘Ketika Allah menutup satu pintu, Dia akan membuka pintu yang lain untuk anda,’ namun fenomena ini hanya dapat dilihat melalui mata rohani kita.

#### A. Pendidikan Teologi dalam Talian

Walaupun zaman multimedia telah tiba pada pertengahan abad ke-20, ia belum begitu diintegrasikan dalam penginjilan Kristian, apalagi pendidikan teologi bagi orang Kristian di rantau ini. Dalam tempoh pandemik Covid-19, kami menemui banyak sempadan baharu dalam pelayanan kerana pembelajaran dalam talian telah membuka pintu yang memungkinkan pembelajaran bagi mereka yang tinggal di luar kampus. Beberapa kursus telah dihadiri oleh 200-300 peserta, iaitu 10-20 kali lebih ramai daripada jumlah pelajar dalam kelas biasa. Kursus teologi dalam talian telah terbukti sebagai kaedah pembelajaran yang sangat bermanfaat untuk menyediakan latihan kepimpinan gereja bagi saudara dan saudari yang ingin melengkapkan diri semasa pandemik ini.

#### B. Penyelenggaraan Bangunan dan Kerja-kerja Pembinaan Cerun yang Runtuh

Terdapat lima cerun yang runtuh di kawasan kampus kami. Keadaan genting ini semakin membimbangkan, dan memang dapat difahami jika seseorang bertanya, “Apa yang harus kita lakukan? Dari mana datangnya dana untuk perkara ini?” dalam keadaan seperti ini. Namun Allah menghendaki kami untuk melihat harapan di tengah-tengah kesukaran. Seminari ini telah wujud selama 34 tahun, kasih dan perhatian dari gereja-gereja dan saudara-saudari di dalam Kristus terhadap seminari ini tidak sama seperti dahulu. Perkara ini sangat jelas sejak saya kembali ke seminari ini dua tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, kejadian keruntuhan cerun telah menunjukkan kepada saya bahawa semua harapan tidak hilang. Begitu banyak gereja dan ramai saudara-saudari seiman, dekat dan jauh, tempatan dan luar negeri, telah memberikan sokongan mereka kepada kami untuk memperbaiki keadaan ini. Perkongsian dan kerjasama antara STS dengan gereja-gereja telah diperluas.

Projek pembinaan telah dianugerahkan dengan jumlah kos sekitar RM 2 juta dan kerja-kerja pembaikan akan dimulakan pada awal November.

#### C. Pertumbuhan Rohani

Kami telah belajar dan melalui banyak pengalaman, sebagai sebuah seminari dan keluarga semasa pandemik ini. Ketika kami berasa terjebak namun kami terus berpegangan tangan dan bergerak bersama-sama dengan saling memperhatikan, menunjukkan keprihatinan, dan mendoakan. Pengalaman seperti ini tidak pernah kami alami sebelumnya sebagai sebuah keluarga di dalam Kristus. Setiap anggota seminari ini berasa sedih dengan keruntuhan cerun yang di sekitar kampus STS, dan berdoa tanpa henti untuk memohon belas kasihan dan perlindungan Allah. Penderitaan yang telah kami hadapi tidak hanya memupuk kesatuan dan kasih sayang yang lebih mendalam sesama kami tetapi juga memungkinkan kami untuk mengambil lebih banyak masa untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui doa dan mengalami pertumbuhan rohani. Para pelajar, pensyarah dan kakitangan STS telah bertumbuh dalam hubungan dengan Allah, dan juga hubungan dengan sesama manusia, ia benar-benar rahmat yang tersembunyi!

Saya ingin mengakhiri renungan ini dengan satu petikan Alkitab: "Sebab fikiran-Ku bukan seperti fikiran kamu, dan jalan-Ku bukan seperti jalan kamu," demikian firman TUHAN" (Yesaya 55:8). Pengalaman berdoa, keyakinan dan iman adalah pertemuan rohani yang penting dengan Allah bagi semua hamba TUHAN dalam pelayanan kepada Allah dan umat-Nya.



## 院长的话

### 危机变契机

神学院凭着信心渡过了34载，神学院有今天的成就是神的众儿女共同努力的结果。本人谨此向弟兄姐妹分享神学院如何在逆境中经历神恩的事奉见证。有句话说，当上帝关了这扇门，必会为你再开另一扇门。但这个现象只有通过心灵的眼睛才能看见。

#### 一。 线上教学，扩张了事奉境界

多媒体时代早在廿世纪中便开始，但是基督教福音工作，特别是神学教育，委实起步得太慢了。疫情期间，俨偌是上帝拉着人的手（耶 31:33）去学习使用多传媒。线上教学接触面大大扩张，一些科目竟然多达两百多甚至三百多学员，那是传统实体上课十倍、廿倍的人数。线上的课程不单落实了，更是扩大了学院的培训计划，为那些渴慕自我提升和自我增值的弟兄姊妹在疫情期间提供学习的机会。

#### 二。 校园土崩

土崩接踵而来，从两处到五处。五片校园滑坡，直觉上很叫人担忧，难免会问：怎么办？经费哪里来？然而神总是要我们在逆境中看见希望，藉着人看认为不可能的事去成就祂的美意。神学院创校至今34年了，众教会、众弟兄姐妹中，很多对它已经失去了始初的爱心和热心。土崩危机让我看见神学院仍有希望，可以用一句成语来形容教会和弟兄姐妹的关心：“一方有难，八方支援”。不仅本地和海外教会，还有来自四面八方的弟兄姐妹重新燃起对神学院的关心和支持。上帝行事与人的意念不同，祂叫万事互相效力，叫爱主的人得益处。扩张了神学院与教会的福音伙伴境界。

防土墙工程已经招标，经费约两百万马币，建造工程将于十一月初开始。

#### 三。 成长

新冠肺炎期间，神学院这个大家庭学习了很宝贵的功课。大家在困局中，心联心、手牵手，彼此守望相助，互相关怀，彼此代祷。这种主内一家的情谊，是过去所没有的。校园的毁坏也让学院每位成员焦心和痛心，以至不断向神祈求怜悯和保护。逆境不仅帮助了神学院全体操练在爱中彼此建立，成为一个更合一温馨的群体，各人也因更多祷告亲近神，灵性生命也成长了。换言之，同学、同工与神和与人的关系也成长了，扩张了个人灵性生命的境界。真是逆境见神恩。

最后让我以处一经文作为结束：耶和华说：「我的意念非同你们的意念，我的道路非同你们的道路」（赛 55:8）。逆境帮助神学院全体操练了很宝贵的功课。这个祷告，信靠和信心的功课，对于每位上帝的仆人，和将要进入事奉工场的神学生，都是不可或缺、与神相遇的灵命操练。

By Dr. Rev. Chung Song Mee  
钟湘媚牧师博士

## Making Others Successful

My first job was a schoolteacher. I enjoyed being a Sunday School teacher in church. I like teaching. Paul says to Timothy, “And the things you have heard me say in the presence of many witnesses entrust to reliable people who will be qualified to teach others” (2 Tim 2:2, NIV). These words of Paul have had a great impact on me. I teach in order that my students can teach others. The greatest joy of being a teacher is to see students being successful, even more so if they are more successful than me.

As a “freshman” teacher, I eagerly wanted to pour my knowledge into the students, not being aware that some may not have the appetite, and others may suffer indigestion. So, I learnt over time that teaching is not a one-sided affair. If I care about imparting my knowledge and do not care whether or not the students have learnt the material, I am not a successful teacher. A successful teacher is one who guides the students according to their abilities and talents to be successful. Therefore, letting students redo an assignment, or repeat a course, is not a punishment but is designed to help them learn better.

However, my major ministry in the seminary has not been teaching but administration of the academic affairs for the last 28 years. Countless hours were spent in front of the computer to arrange the most appropriate lecturer for a course, and making, synchronizing, and revising timetables in order that students can complete their programs on time. No doubt, this is a part of helping students to succeed too. But I am more an administrator than a teacher. Many times, I felt that what I have learnt over those years of burning midnight oil to equip myself to be a more qualified teacher was not fully utilized. The main vocation of a teacher is to teach and educate people and imparting knowledge as well as forming character. Most lecturers in the seminary are doing administration work for the operation of the seminary on top of teaching, some less, others more. This seems to be a characteristic of the seminaries (in Asia? Southeast Asia? Malaysia?), and it is not easy to excel in both. Excellent teachers are made and not born. Besides being gifted, committed, and self-disciplined, excellent teachers are also groomed. May seminaries not only make excellent students but also make excellent teachers.

Jesus trained the disciples and empowered them with the Holy Spirit to enable them to continue his ministries on earth successfully after he left. Paul taught his disciples so that he could teach others. In the same way, pastors nurture the believers, so that they can serve competently and the churches can grow. If pastors strive to make their council members successful, and the council members also strive to make their pastors successful, the church will surely grow in love and harmony. If senior pastors strive to make younger pastors successful, churches will not be short of successors for their various portfolios.

To the graduates who are sent out, you have successfully completed your study here. Now go forth and serve, not only yourself to win the prize in Christ (Phil 3:14) but also to help others to win the prize too.

## Menjadikan Orang Lain Berjaya

Kerjaya saya bermula sebagai seorang guru sekolah menengah. Perkara yang paling menggembirakan saya dalam pelayanan gereja adalah mengajar Sekolah Minggu. Saya suka mengajar. Paulus berkata kepada Timotius, "Segala yang telah kau dengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula." (2 Timotius 2:2 Versi Borneo) Kalimat ini memberi kesan yang mendalam kepada saya. Saya mengajar supaya pelajar juga dapat mengajar orang lain. Perkara yang paling menggembirakan sebagai seorang guru adalah melihat pelajar mencapai kejayaan dalam pelajaran mereka, ataupun lebih berjaya daripada gurunya.

Semasa mula-mula menjadi guru, saya tidak sabar untuk memberikan semua pengetahuan saya kepada pelajar. Saya tidak sedar bahawa pelajar mungkin tidak berminat dan tidak memahaminya. Mengajar bukan jalan sehala. Sekiranya seorang guru hanya ingin menyampaikan pengetahuan dan tidak peduli berapa pelajar dapat memahaminya, maka saya bukan seorang guru yang berjaya. Seorang guru yang berjaya mesti membimbing pelajar langkah demi langkah sesuai dengan kebolehan mereka sehingga dapat menguasai pelajarannya. Oleh itu, dengan meminta pelajar menyiapkan semula tugas dan mengulang sesuatu mata pelajaran adalah untuk membantu mereka mencapai kejayaan dan bukan menghukum mereka.

Namun, pelayanan utama saya di seminari bukan mengajar tetapi mengurus hal ehwal akademik (selama 28 tahun). Berjam-jam saya duduk di hadapan komputer, untuk mengatur pensyarah yang paling sesuai untuk satu kursus, menyusun, menyiapkan dan menyegerakkan, menyemak jadual waktu agar pelajar dapat menyelesaikan program mereka dalam masa yang telah ditetapkan. Sudah tentu, ini adalah sebahagian daripada membantu pelajar untuk berjaya. Namun, saya telah menjadi pentadbir dan bukannya guru. Kadang-kadang saya berasa apa yang telah saya pelajari selama bertahun-tahun untuk melengkapkan diri supaya menjadi seorang guru yang lebih berkualiti tidak digunakan sepenuhnya. Tugas utama seorang guru adalah untuk mengajar dan mendidik orang (meningkatkan pengetahuan dan membentuk watak). Hampir setiap guru di seminari harus bertanggungjawab terhadap pentadbiran seminari. Ini ciri khas seminari-seminari (di Asia? Asia Tenggara? Malaysia?), dan tidak begitu mudah menjadi cemerlang dalam kedua-duanya. Guru cemerlang bukan dilahirkan semula jadi. Selain berbakat, mempunyai komitmen, disiplin diri, guru cemerlang juga dipupuk. Saya berharap Seminari Teologi Sabah bukan sahaja menghasilkan pelajar yang berjaya, tetapi juga dengan sengaja memupuk guru yang cemerlang.

Yesus melatih murid-murid, Roh Kudus memberi kuasa kepada mereka, untuk membolehkan mereka meneruskan pelayanannya di bumi dengan jayanya setelah dia pergi. Paulus juga mahu murid-murid yang diajarnya menjadi guru yang berjaya. Pendeta mendidik orang percaya agar mereka menjadi orang Kristian yang matang, melayani dengan jayanya supaya gereja akan bertumbuh dan berkembang. Sekiranya pastor berusaha untuk menjadikan ahli-ahli majlis mereka berjaya, dan ahli-ahli majlis gereja juga berusaha untuk menjadikan pastor mereka berjaya, gereja pasti akan bertumbuh dalam kasih dan harmoni. Sekiranya para pastor kanan berusaha untuk menjadikan para pastor muda berjaya, dan bahkan menjadikan mereka lebih berjaya daripada mereka sendiri, gereja tidak akan kekurangan pengganti untuk pelbagai portfolio gereja.

Kepada para graduan, anda telah berjaya menamatkan pengajian anda di sini. Sekarang majulah ke depan dan melayani, bukan sahaja diri anda memenangi hadiah dalam Kristus (Flp 3:14) tetapi membantu orang lain untuk memenangi hadiah juga.

## 使人成功


我的职业从作中学的老师开始。在教会事奉里最享受的是教主日学。我喜欢教导。保罗对提摩太说：“你在许多见证人面前听见我所教训的，也要交托那忠心能教导别人的人”（提后2：2）。这句话对我影响很深。我教导是为了使学生也能教导他人。做老师最高兴的事莫过于看见学生学有所成，使学生成功，若能青出以蓝则更加欣慰。

当我还是新手老师时，恨不得把所学到的学问都教给学生。岂不知学生们可能食不下咽或消化不良。教学不能一厢情愿，若作为老师的我只想着要传授自己的知识而不在乎学生能学到多少，那不算是一个成功的老师。成功的老师必定是循循诱导，因材施教使学生能学有所成。因此，让学生重做一篇作业，重修一门科目，不外是要帮助他们学有所成而不是要惩罚他们。

然而，我在神学院的事奉并不能以教学为主。学务的行政（28年那么久）反而喧宾夺主了。那些无数的日子，半夜挑灯，给科目配上最适合的老师，编排修改上课时间表，让学生在所规定的时间完成他们的课程。当然这样也是在帮助学生成功。然而，我成了行政人员而不是老师了。想起那些年挑灯苦读为了要装备自己成为更合格的老师，竟是学非所用。老师的主要职责乃是教书育人。在神学院里几乎每一个老师都得负责神学院的行政，这似乎是（亚洲、东南亚、马来西亚？）神学院的特色。很多时候厚此薄彼，不能两全其美。出色的老师除了有恩赐，委身，自勤也是培养而来的。我希望沙巴神学院不但培养出青出以蓝的学生，也刻意的培养出更多出色的老师。

耶稣训练门徒，赐下圣灵，好让他们成为成功接班人。保罗也要他所教导的门徒成为成功的老师。教牧造就信徒为了他们能成为成熟的基督徒，他们能够事奉有成，那教会就会成长。若长执们多一点努力让他们的牧者成功，而牧者也多一点努力使长执们成功，教会必定会在和谐温馨中增长。同时，长牧们若多一点努力让幼牧成功，甚至使他们比自己更成功，教会就不会缺接班人。

对于被“遣”出去的同学们，相信你们是学有所成。如今向著标杆直跑，不但自己在基督耶稣里得奖赏（腓 3:14），也要使他人得奖赏。



## Susannah a/p Ruben

Nama saya Susannah a/p Ruben. Saya dari Ipoh, Perak. Saya berasal dari gereja Tamil Methodist. Pada tahun 2016, saya datang ke Sabah untuk pertama kalinya. Pada waktu itu, dua orang sepuh saya sedang belajar di STS. Mereka telah ditugaskan untuk menghantar saya melayani di sebuah kampung di daerah Sandakan. Mereka menempah sebuah bilik di STS untuk saya bermalam sebelum memulakan perjalanan ke Sandakan. Pada keesokan paginya, saya menaiki tangga yang menghubungkan bangunan Koinonia dan Capel untuk kali pertama. Semasa saya sampai di tangga yang teratas, saya mendengar satu bisikan di telinga “Saya akan membawa kamu kembali ke sini.” Bisikan itu memberi satu ketenangan di jiwa. Saya pasti ia adalah dari Tuhan. Perkataan itu melekat di hati saya sepanjang saya melayani di Sandakan, tetapi setelah saya kembali ke Semenanjung, saya telah melupakan janji Tuhan.

Pada tahun 2018, saya diutus oleh gereja saya untuk belajar Sarjana Muda Diviniti di STS. Pada mulanya saya menentang idea untuk kembali menjadi seorang pelajar. Bagi saya, ilmu Alkitab saya cukup baik maka saya tidak perlu sekolah teologi untuk memperlengkapi diri sebagai seorang hamba Tuhan. Cukuplah ilmu dan pengalaman saya sebagai seorang anak pastor. Setelah lama bergumul, saya datang ke STS untuk kali kedua. Pada hari pertama menghadiri kelas, di tempat yang sama, saya mendengar bisikan Tuhan, saya mendengar kembali bisikan yang sama. “Saya akan membawa kamu kembali ke sini.” Saya diingatkan kembali akan janji Tuhan. Pada masa itu, saya membuat satu keputusan bahawa saya akan memberikan diri saya sepenuhnya untuk dibentuk menjadi hamba Tuhan yang sesuai dengan kehendak-Nya.

Sejak hari itu, bermulalah kehidupan saya sebagai seorang pelajar di STS. Kehidupan di STS tidaklah selalunya manis. Ada masa-masa saya bergumul untuk memahami pelajaran dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang baharu. Namun, pensyarah-pensyarah dan staf membantu saya menyesuaikan diri dengan cepat dan mudah. Kelompok keluarga pertama bersama dengan Rev. Ngui Au Sze dan staff STS, Miss Elisa Yap masih di dalam ingatan. Mereka membuatkan saya semakin berani berjumpa dengan orang atasan dan berkenalan dengan kawan-kawan yang baharu khususnya yang ada di dalam kelompok keluarga yang sama. Saya juga mengalami kejutan apabila pada semester pertama, tahun pertama saya diberikan kelas bahasa Yunani. Namun, pensyarah kami Pst. Martinah Usor mengajar dengan penuh kesabaran dan sering memberi kami kelas tambahan. Akhirnya pada penghujung tahun pertama, kami dapat menterjemahkan ayat-ayat Perjanjian Baru dari bahasa asli, Yunani ke Bahasa Malaysia. Saya bersyukur kerana sepanjang 4 tahun saya di STS, saya diperlengkapi oleh pensyarah-pensyarah yang berpengalaman dan luar biasa. Mereka menjadi saksi-saksi yang hidup dalam kehidupan saya.

Tahun-tahun di STS, penuh dengan pelbagai emosi. Ada masanya, saya sangat gembira bersama dengan kawan-kawan, semasa belajar dan melakukan aktiviti di dalam kelas, semasa kelompok keluarga dan sebagainya. Namun, ada juga masa saya bergumul dengan pelajaran, masalah peribadi, keluarga dan pelayanan. Namun yang pasti, sepanjang tempoh ini saya tidak pernah bersendirian. Sentiasa ada orang yang menyokong, mendorong dan mendoakan saya setiap kali saya berputus asa. Saya percaya Tuhan membentuk saya menjadi hamba yang sesuai dengan kehendak-Nya melalui semua situasi ini.

Salah satu perkara yang sangat bermanfaat bagi saya di STS adalah kelas bahasa Yunani dan bahasa Ibrani. Kedua-dua kelas ini membuka mata saya untuk memahami firman TUHAN dengan lebih jelas dan lebih dalam. Namun, kelas-kelas di STS tidak hanya memperlengkapi kami sebagai seorang hamba Tuhan tetapi juga membentuk karakter kami menjadi seorang manusia yang berguna.

Aktiviti dan perayaan tahunan di STS adalah kegemaran saya. Pada musim-musim perayaan, suasana di STS selalu meriah. Semua pelajar akan datang bersama-sama untuk bergotong-royong menyediakan ruang. Khususnya, perayaan Kaamatan adalah kegemaran saya. Semasa musim Kaamatan di STS, saya dapat belajar tarian tempatan, berkesempatan memakai pakaian tradisional Sabah, makan makanan Tradisional dan belajar beberapa perkataan tempatan. Retreat STS juga adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh semua pelajar STS. Kami dapat bercuti, beribadah dan beriadah di luar STS. Walaupun keadaan pandemik menyukarkan aktiviti-aktiviti ini, saya tetap bersyukur kerana masih dapat melakukannya secara maya. Berkumpul bersama seluruh warga STS adalah sesuatu yang sangat menyeronokkan. Saya pasti akan merindui komuniti ini yang sudah menjadi keluarga besar bagi saya.

Kehidupan di STS menguatkan panggilan saya. Seperti janji di Matius 6:33, setiap kali saya memerlukan sesuatu, Tuhan tidak pernah terlambat untuk memberikannya. Saya yakin apabila kita memberikan kehidupan kita kepada Tuhan, Dia pasti akan menyediakan semua keperluan kita. Jika kita yakin akan panggilan kita, STS adalah tempatnya untuk memperlengkapi diri menjadi hamba Tuhan yang sesuai dengan kehendak-Nya.

## Melbourne Makansim



Ketika saya diberitahu bahawa pada tahun 2018 saya merupakan salah satu staf PCS yang terpilih untuk masuk di Seminari Teologi Sabah, saya mula berfikir untuk mempertimbangkannya. Antara pertimbangan saya adalah jika saya bersekolah di seminari, elau bulanan akan berkurang lebih dari separuh. Ini bermakna saya akan menghadapi masalah kewangan untuk membayar ansuran kereta, pendaftaran anak di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah tadika.

Selain itu, perbelanjaan dapur dan menghantar anak ke sekolah juga akan terjejas. Tetapi jika saya menolak kemungkinan untuk bersekolah di seminari pada masa akan datang tertutup kerana saya tidak menghormati keputusan Pusat PCS.

Selama dua bulan saya mendoakan hal ini kepada Tuhan dan dalam pergumulan itu saya bertanya kepada isteri saya apakah kamu akan menuruti arahan Pusat atau sebaliknya. Saya menceritakan semua pergumulan saya kepadanya, selepas mendengar hal itu, isteri saya berkata, “lebih baik kita menurut arahan Pusat.” Setelah mendengar itu, saya langsung berdoa kepada Tuhan dan seperti ini doa saya “Tuhan saya meminta tanda dari Tuhan, saya akan bersekolah di seminari, jika seandainya semua pergumulan saya ada jalan penyelesaian saya akan menghabiskan persekolahan saya, tetapi jika saya dan keluarga kelaparan di STS saya akan berhenti bersekolah dan akan melayani Tuhan seperti sediakala.” Selepas itu, tiada tanda pun yang Tuhan bagi kepada saya namun saya, isteri dan anak-anak dengan yakin berangkat ke Seminari Teologi Sabah.

Selepas tiba di STS, bermulalah kehidupan saya sebagai seorang pelajar seminari, dari orientasi hinggalah kepada menyiapkan tugas-tugas yang diberi, saya lakukan dengan penuh kesungguhan walaupun memang semua hal ini baru bagi saya. Tekanan pelajaran dan tugas membuatkan saya benar-benar letih namun selagi Tuhan mencukupkan keperluan keluarga saya di seminari ini, selagi itu semua beban dan keletihan ini akan ku tanggung dan akan ku teruskan juga. Tahun pertama memang mencabar dari segi kewangan namun tetap cukup walaupun demikian saya tetap berdoa kepada Tuhan untuk terus memperhatikan saya dan keluarga saya ketika berada di seminari ini. Selama setahun saya terus berdoa tentang dua hal, iaitu pertama adalah kecukupan keluarga dan pembelajaran dan akhirnya pada hujung tahun, Tuhan seakan-akan berbicara dalam hati saya tentang masalah kewangan kami. Dengan itu, saya sedar bahawa Tuhan mahu kami belajar supaya bijak dalam menangani masalah ini dan memang benar ketika kami mulai merancang kewangan, kami melihat berkat Tuhan. Secara tidak langsung Tuhan menjawab pergumulan saya ketika saya memilih untuk bersekolah atau tidak.

Masuk ke tahun kedua, tuntutan pembelajaran semakin meningkat dan hal ini memerlukan peningkatan usaha juga namun semua itu saya lalui dengan sukacita kerana sebab utama masalah sudah pun selesai dan kini saya boleh menumpukan seluruhnya kepada pelajaran saya. Walaupun demikian saya tetap mengutamakan isteri dan anak-anak saya. Bagi saya biar saya gagal dalam seminari tetapi jangan gagal dalam menjaga keluarga. Puji Tuhan! Dengan berkat dan penyertaan Tuhan, saya dapat menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar dan sebagai kepala keluarga. Tidak dinafikan bahawa hidup berkeluarga di seminari menghadapi dua kali ganda pergumulan. Ketika sibuk menyiapkan tugasan terpaksa juga meluangkan masa untuk anak-anak dalam persekolahan mereka.

Ketika semuanya kelihatan semakin senang kerana sudah berada di seminari selama 3 tahun dan sudah membiasakan diri hidup dalam seminari ini, apatah lagi sesetengah pergumulan sudah dapat diatasi. Kini muncul pula cabaran yang baharu iaitu pandemik Covid-19, sesuatu hal yang membuatkan semua baharu dalam kehidupan. Menghadiri kuliah secara fizikal terpaksa dihentikan dan diganti dengan kuliah secara maya membuatkan segala keperluan untuk kuliah beralih kepada kecanggihan-kecanggihan teknologi. Maka terpaksalah bergumul sekali lagi tentang bagaimana untuk menyediakan keperluan tersebut, tambahan lagi sekolah kebangsaan juga belajar dalam talian juga membuatkan saya terpaksa mencari ikhtiar bagaimana anak saya mempunyai gadjet untuk digunakan dalam pembelajarannya.

Selain itu, saya juga berhadapan dengan kekurangan data untuk melanggan internet dan ini secara tidak langsung menjadi cabaran saya dan anak saya untuk menghadiri pembelajaran secara maya. Dalam pergumulan ini saya serahkan sepenuhnya kepada Tuhan di dalam doa pujian Tuhan setahun berlalu iaitu 2020 semua pergumulan, kesusahan, cabaran dan kesusahan seakan-akan hilang dengan sendirinya kerana semua yang diperlukan disediakan oleh Tuhan. Kini keadaan pandemik semakin sebatи dalam kehidupan dan keadaan yang perlu mengikuti SOP pun sudah menjadi norma dalam kehidupan.

Tahun 2021 ini merupakan tahun akhir saya di Seminari Teologi Sabah. Terasa cepatnya masa berlalu, peristiwa pahit dan manis terukir di tempat ini dan yang paling berharga buat saya adalah berjalan bersama Tuhan. Segala keperitan dan cabaran kini menjadi manis. Saya percaya Tuhan membiarkan saya menghadapi semua ini untuk mendewasakan kerohanian saya untuk berhadapan dengan pelayanan di luar sana yang pastinya mempunyai cabaran yang tersendiri. Namun, saya bersedia mengharunginya sekali lagi kerana kini saya pasti dan yakin Tuhan tidak akan meninggalkan saya.

Kini ada 2 bulan lagi sebelum saya mengakhiri pembelajaran saya di seminari ini. Saya berdoa agar apapun yang sudah saya lalui menjadi sebuah legasi yang indah kepada para pensyarah dan kepada teman-teman seperjuangan. Biarlah persaudaraan dalam Kristus ini tetap terpahat dalam ingatan dan tetap kukuh mengharungi waktu. Saya yakin dan percaya selama empat tahun saya berada di STS ini, jika bukan Tuhan yang menyertai saya dan keluarga pastinya seperti doa saya kepada Tuhan bahawa saya akan meninggalkan seminari jika saya tidak berkecukupan. Puji Tuhan bukan saja berkecukupan malah berkat Tuhan sangat berkelimpahan.

Terima kasih Tuhan atas penyertaan dan perlindungan-Mu selama saya berada di seminari ini. Saya berdoa supaya seperti penyertaan dan perlindungan-Mu di seminari ini, begitu juga apabila saya di luar sana mempraktikkan semua yang sudah saya pelajari dan imani. Amin!



Lo Yi Ping

Four years ago around this time of the year, myself and seven other church members had the privilege to step on the stage of the STS auditorium to receive our certificates in Church Ministry (CCM), a certificate course that we spent two years learning and struggling with assignments submission to attain. Two years seemed like a long time and lots of sacrifices for me then. That was until I witnessed during the graduation ceremony how some seniors had spent fifteen to twenty years to complete their program, and how with pride they walked up to the stage one by one to receive their awards. My heart saluted them for their passion and perseverance, and I thought to myself, I would not be able to do what they did.

